

Rio Fermoso, Portugis di Batu Pahat?



Pandangan dari Gunung Banang yang mampu melihat Selat Melaka dan di sinilah jugalah terdapatnya runtuhan kubu yang dipercayai milik Portugis.

KAMARUL HALIM M. KAMAL

Jika sebelum ini umum hanya mengetahui kewujudan sebuah perigi air tawar di sini, dikaitkan dengan pembukaan daerah ini yang terletak di Pantai Rekreasi Minyak Beku dipercayai dipahat oleh tentera Siam, ratusan tahun lalu.

Namun tidak dengan perkataan Rio Fermoso atau kini disebut Sungai Batu Pahat seperti yang terpahat dalam sebuah peta lama, dipercayai milik tentera Portugis pada kurun ke-16, yang kini mudah dijumpai serta dimuat turun melalui media baharu, setelah ia dialih ke Bahasa Inggeris

daripada jurnal asalnya.

Perkataan itu dijumpai oleh seorang pengkaji sejarah bebas, Mohd Azlan Datuk Mohd Sharif, yang ketika itu sedang sibuk mencari sejarah Batu Pahat dan kaitannya dengan beberapa kubur lama di Bukit Inas, Parit Sulong.

Menurutnya, ketika melakukan carian itu dia terjumpa beberapa perkataan Portugis yang ada kaitannya dengan Melaka, Muar dan Batu Pahat, seperti Rio Fermoso, Rio Formoso juga Rio Formeso.

"Daripada carian ini saya menjumpai perkataan Rio



Salleh (kanan) yang menjaga kubur lama di Bukit Inas, Parit Sulong.



Cebisan batu dipercayai batu nisan tentera Aceh yang banyak ditemui di Gunung Banang berhampiran dengan Pantai Minyak Beku.



Mohd Azlan menunjukkan keratan akhbar menyatakan kubur lama ditemui mempunyai kaitan dengan pembesar Aceh yang lari setelah diserang penjajah.

Fermoso, yang ada kaitannya dengan Batu Pahat. Perkataan itu telah hilang bersama Portugis setelah mereka menyerah kalah dengan tentera Belanda dan Inggeris.

"Ketika itu nama (Rio Fermoso) atau tempat ini yang terletak di selatan Melaka dan Sungai Muar popular kerana menjadi sumber bekalan padi semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

"Malah yang lebih memeranjatkan lagi nama Batu Pahat yang dipanggil sebagai Rio Fermoso turut tercatat dalam 'diari' ahli pelayaran Portugis, Tom Pires, yang melakukan pelayarannya sekitar akhir abad ke-15.

Menurut Mohd Azlan, waktu itu Batu Pahat juga dipercayai menjadi 'lubuk' kepada perlombongan bijih timah dan sumber pelbagai jenis batu, malah tidak mustahil juga batu Kota A Famosa, di Melaka berasal dari Rio Fermoso.

Katanya, ramai yang tidak tahu sebelum pembukaan Batu Pahat secara rasminya pada 1894, oleh Datuk Bentara Luar atau nama sebenarnya Datuk Muhammad Salleh Perang, di Bukit Bendera, di sini, daerah ini sudah lama popular terutamanya dalam kalangan penjajah Barat.

"Terpanggil dengan penemuan peta Rio Fermoso di media sosial, saya mula mencari-cari lokasi sebenarnya dan akhirnya berjaya menemui sebuah tanah tinggi yang dipanggil Gunung Banang.

"Tidak ramai tahu rahsia yang tersimpan di tanah tinggi di pinggir Pantai Minyak Beku ni, umum mengetahui di sini adalah sebuah kuari satu ketika dahulu, tapi tak sedar ia tersimpan beberapa artifak berharga," katanya.

Jumpa runtuhan kota, kubur panjang

Terdahulu sebelum melangkah kaki ke 'Rio Fermoso', Azlan dan rakannya telah ke kaki Bukit Inas, di Parit Sulong, untuk melihat beberapa kubur lama yang ukirannya sama seperti kubur milik pembesar Aceh.

Di sana, dia bertemu dengan penduduk setempat juga individu yang bertindak sebagai penjaga kubur berkenaan, Salleh Dakam, yang memberitahu kubur lama itu adalah milik keturunan sultan yang lari dikejar penjajah.

Menurut Azlan, ada sebahagian kubur lama di kedua-dua kawasan ini mempunyai persamaan, cuma kubur di Bukit Inas sudah lama diketahui umum berbanding yang terletak di tanah tinggi berhampiran Pantai Minyak Beku.

Katanya, dalam tinjauan yang dilakukan di tanah tinggi itu, yang dipanggil Gunung Banang oleh penduduk tempatan, dia menemui beberapa kubur lama yang panjang, selain bongkah batu seperti runtuhannya sebuah kota.

“Sungguh tak percaya di kawasan yang terpencil ni tersimpan beberapa artifak yang penting dalam sejarah Batu Pahat, yang terdapatnya kubur lama dan di puncaknya terdapat runtuhannya binaan bangunan,” katanya.

Maksud sebenar Rio Fermoso

Tidak ramai yang mengetahui kewujudan Rio Fermoso, termasuklah asal-usul serta maksudnya, sehinggalah baru-baru ini ia diperkatakan apabila adanya catatan oleh Portugis dengan Batu Pahat.

Menurut Azlan, salah satunya ialah penemuan catatan yang mengaitkan



Abdullah Munsyi dengan menyatakan Portugis datang ke Melaka pada 1511 hingga 1641 dan mengaitkan Rio Fermoso dengan A Farmosa.

“Batu Pahat terkenal dengan perlombongan bijih timah dan batu, Abdullah Munsyi menyatakan Kota A Farmosa telah menggunakan batu yang diambil dari Rio Fermoso (Batu Pahat).

“Tambahkan lagi dalam catatan itu menyatakan terdapatnya muara sungai dan gunung yang indah di Rio Fermoso, yang terletak di selatan Melaka dan Muar.

“Daripada bahasa kuno Portugis Rio bermaksud Sungai dan Fermoso adalah Banang. Jika diteliti ia adalah Sungai Banang yang kini merujuk kepada Sungai Batu Pahat, selain terdapatnya perkataan ‘Mount of Fermoso’ iaitu gunung yang indah,” katanya.

YWJ akan buat kajian terperinci

Berikutan terdapatnya teori

Jika benar teori itu, ia adalah satu peristiwa sejarah yang terpenting kerana tidak ada mana-mana pihak yang menyatakan atau mengaitkan daerah ini dengan Portugis.”

- Kamdi



Salleh menunjukkan kubur lama yang dijumpai di Bukit Inas, Parit Sulung yang mirip dengan kubur lama dijumpai di atas Gunung Banang.

yang menyatakan penjajah Portugis telah sampai ke Batu Pahat semasa mereka menjajah Melaka, yang tidak pernah dibahas sebelum ini, pihak Yayasan Warisan Johor (YWJ) akan melaksanakan kajian terperinci mengenainya.

Ketua Bahagian Persuratan dan Sejarah, Yayasan Warisan Johor (YWJ), Kamdi Kamil memberitahu pihaknya akan melakukan siasatan terperinci dengan teori baharu yang penjajah Portugis sudah sampai ke Batu Pahat.

Katanya, jika benar teori itu, ia adalah satu peristiwa sejarah yang terpenting kerana tidak ada mana-mana pihak yang menyatakan atau mengaitkan daerah ini dengan Portugis.

Menurutnya secara rasmi, Batu Pahat dibuka hanya pada 1894 dan tidak ada pula catatan yang menyatakan adanya penempatan yang besar sebelum itu atau lebih tepat lagi pada abad ke-15 hingga 16.

“Jika dikira-kira ia berlaku pada lebih 500 tahun lalu dan bukannya 100 atau 200 tahun seperti yang tercatat dalam sejarah Batu Pahat.

“Jika tercatat dalam sejarah sebelum ini pada abad ke-15, askar Siam telah sampai ke satu tempat yang dipanggil Pulau Kundur yang tidak berpenghuni dan telah memahat batu untuk mendapatkan air bersih untuk minuman.

“Dan jika benar selepas itu ia ditemui oleh penjajah Portugis

● Daripada bahasa kuno Portugis Rio bermaksud Sungai dan Fermoso adalah Banang.

dan menjadikannya penempatan ia adalah sejarah baru, yang bukan saja tentera Siam telah sampai ke sini, tetapi Portugis juga,” katanya.

Tambahnya, bagaimanapun ia masih lagi di peringkat teori dan siasatan lebih lanjut serta menyeluruh akan dilaksanakan.

Sementara itu, kajian juga kini dibuat oleh Persatuan Sejarah Batu Pahat dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk mencari kesahihannya terutamanya tarikh sebenar Portugis datang ke Batu Pahat.



Antara runtuhannya menyerupai kota lama yang binaannya mirip dengan Kota A Farmosa di Melaka.